Utusan Borneo : 20 November 2026

Pekebun sayur warga asing mengaku salah bunuh rakan sekerja tanpa niat

SIBU: Seorang pekerja kebun sayur warga asing mengaku bersalah di Mahkamah Tinggi di sini, semalam terhadap pertuduhan alternatif menyebabkan kematian tanpa niat membunuh rakan sekerja di pondok kebun di Jalan Rantau Panjang tahun lepas.

Tertuduh, Heriadi, 40, membuat pengakuan itu setelah pertuduhan dibacakan kepadanya oleh jurubahasa mahkamah dalam bahasa Indonesia di hadapan Hakim Alvin Leong Yin Yuan.

Mahkamah bagaimanapun menetapkan 29 Januari 2027 sebagai tarikh bagi menjatuhkan hukuman, selain membenarkan pihak tertuduh memfailkan hujahan jawapan selewat-lewatnya pada 3 Disember 2026.

Ini berikutan peguam bela Ranbir Singh memohon kepada mahkamah agar satu tarikh lain diberikan dalam tempoh seminggu untuk membolehkan beliau memfailkan hujahan jawapan terhadap hujahan pihak pendakwaan.

Mengikut pertuduhan alternatif, Heriadi didakwa menyabakan kematian tanpa niat membunuh rakan sekerjanya, dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang berkemungkinan menyebabkan kematian pada 22 Jun 2025, jam lebih kurang 7 malam di sebuah pondok kebun di Jalan Rantau Panjang.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan juga boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pihak pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto dalam hujahan bagi memberatkan hukuman, memohon mahkamah menjatuhkan hukuman penjara yang bersifat pencegahan terhadap tertuduh iaitu dalam lingkungan 15 hingga 20 tahun berkuat kuasa mulai tarikh ditangkap pada 23 Jun 2025.

Tertuduh katanya, telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan alternatif menyebabkan kematian tanpa niat membunuh di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.



TUNGGU HUKUMAN: Heriadi (kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Sibu, semalam setelah mengaku bersalah atas pertuduhan alternatif iaitu menyebabkan kematian tanpa niat membunuh.

"Pada peringkat awal, pihak pendakwaan secara terbuka mengakui bahawa pengakuan bersalah tertuduh merupakan faktor mitigasi yang relevan kerana ia telah menjimatkan masa dan kos kehakiman yang berharga serta mengelakkan keperluan untuk menjalani perbicaraan penuh yang dipertikaikan.

"Pihak pendakwaan turut mengakui bahawa pertuduhan alternatif tersebut mengambil kira pembelaan separa iaitu provokasi berat dan mengejut di bawah Pengecualian 1 kepada Seksyen 300 Kanun Keseksaan, seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 8 Pernyataan Fakta Yang Dipersetujui di bawah.

"Pihak pendakwaan tidak berniat untuk memperkecilkan kepentingan undang-undang pembelaan separa tersebut mahupun pengakuan bersalah tertuduh," ujarnya.

mengambil kira kepentingan awam sebagai pertimbangan utama, hasrat jelas tertuduh, kekejaman melampau dalam serangan tersebut, keadaan mangsa yang tidak berdaya serta tindakan tertuduh yang dilakukan secara sengaja selepas kejadian jenayah itu, pihak pendakwaan dengan hormatnya berhujah bahawa hukuman penjara yang berat dan bersifat pencegahan dalam lingkungan penanda aras rayuan yang telah ditetapkan, iaitu antara 15 hingga 20 tahun, adalah wajar dan setimpal," jelasnya.

Mengikut pertuduhan sebelum ini, Heriadi didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh mangsa pada 22 Jun 2025, kira-kira jam 7 malam di sebuah pondok kebun di Jalan Rantau Panjang.

Seksyen 302 ini membawa hukuman mati atau penjara sekurang-kurangnya 30 tahun serta tidak melebihi 40 tahun, dan jika tidak dijatuhi hukuman mati, hendaklah disebat sekurang-kurangnya 12 kali.